

Industri bot punyai masa depan

SHAH ALAM 5 Jun—Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin industri bot di negara ini mempunyai masa depan yang cerah memandangkan Malaysia kini mempunyai kepakaran yang cukup untuk membuat

dan menjual bot-bot tersebut.

Perdana Menteri berkata, keyakinan itu juga dikuatkan lagi dengan kemampuan rakyat tempatan membeli bot-bot yang dibuat di negara ini.

“Oleh itu sudah sampai masanya industri bot di

negara dimajukan,” katanya kepada para wartawan selepas melawat selama dua jam ke Pameran Bot Antarabangsa Keempat di Taman Tasik Shah Alam di sini petang ini.

Sempena dengan lawatan itu Dr. Mahathir juga dibawa mencuba salah se-

buah bot yang dipamerkan mengelilingi tasik tersebut.

Pameran selama lima hari yang bermula 1 Jun lalu berakhir petang ini. Kira-kira 100,000 orang telah mengunjungi ke pameran bot kali keempat itu berbanding hanya 65,000 orang pada tahun lepas.

Sambutan

Ditanya mengenai sambutan orang ramai terhadap pameran bot itu, Perdana Menteri berkata, apa yang menarik bukan sahaja pelawat yang banyak, tetapi juga pembelinya.

Katanya, ini mencerminkan peningkatan pendapatan rakyat dan ia adalah satu pencapaian yang baik.

Memandangkan sambutan yang sungguh baik itu, beliau mengesyorkan supaya pameran seumpama itu diadakan dua atau tiga kali setahun.

Tambahnya, pameran bot seperti itu juga boleh diadakan di tempat-tempat lain, selain di taman tasik itu.